

26/02/1997

Kes jenayah remaja meningkat setiap tahun

KUALA LUMPUR, Selasa - Kejadian pembunuhan pelajar yang hanya berpunca daripada peras ugut mendapatkan RM5, memulakan pembongkaran polis terhadap pekung di dada masyarakat satu persatu dengan penahanan pelajar sekolah yang dikaitkan dengan gejala dadah, peras ugut, kongsi gelap dan pembunuhan.

Sehingga kini, lebih 100 pelajar ditahan di Johor, Pahang dan Melaka kerana terbabit dengan gejala tidak sihat ini termasuk pelajar perempuan.

Sebenarnya, jenayah di kalangan remaja sudah lama wujud di negara ini dan meningkat dari setahun ke setahun, tetapi hanya mula menjadi tumpuan ramai dengan kematian Zulkarnain Abdul Rahim, 14, pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yasin, Tampoi berhubung kes peras ugut awal tahun ini.

Berikutan kejadian itu, 10 pelajar dari sekolah yang sama ditahan polis untuk siasatan dan bertolak daripada itu, masyarakat dan kerajaan tidak lagi dapat menutup sebelah mata masalah serius pembabitian pelajar yang terbabit dengan kes kongsi gelap dan jenayah berat yang lain.

Menurut perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, tahun lalu 4,601 remaja berumur bawah 18 tahun ditangkap kerana terbabit dalam 2,820 kesalahan jenayah termasuk kes bunuh, pecah rumah, samun dan dadah.

Pegawai Perhubungan Awam Bukit Aman, Ketua Inspektor Rasdi Ramli, berkata 173 orang terdiri daripada pelajar berumur di antara 10 dan 12 tahun.

Tahun lalu, 22 remaja ditahan kerana disyaki terbabit dengan kes bunuh, curi kenderaan (526), samun malam hari (370), curi harta benda siang hari (351), lain-lain curi (318), lain-lain kes jenayah (315), bersabit dengan dadah (134), pecah rumah siang hari (131) serta lain-lain kes jenayah seperti rogol, senjata api, rompak dan pelbagai lagi yang berjumlah kurang daripada 100 pelajar.

Namun, apa yang membimbangkan daripada perangkaan ini ialah 2,831 remaja lelaki dan 59 perempuan yang ditahan itu berbangsa Melayu.

Jumlah yang ditahan tahun lalu juga meningkat berbanding tahun sebelumnya, 4,192 kerana terbabit dengan 2,573 kes dan 3,247 tangkapan berhubung 2,084 kes pada 1994.

Remaja Melayu mencatat pembabitian tertinggi dalam ketiga-tiga tahun yang disebut iaitu 2,890 daripada 4,601 tangkapan tahun lalu, 2,402 daripada 4,192 tangkapan pada 1995 dan 1,862 daripada 3,247 tangkapan pada 1994.

Rasdi berkata, Johor mencatat jumlah tangkapan tertinggi dengan jenayah tahun lalu iaitu 739 orang, diikuti Kedah (591), Selangor (544) dan Melaka (443).

Sementara itu, Pengarah Jabatan Narkotik, Datuk Salleh Mat Som, berkata sehingga September 1996, 544 remaja berumur bawah 18 tahun ditangkap (91 orang berumur antara 13 dan 15 tahun) kerana disyaki menagih dadah manakala sepanjang 1995, 666 orang ditangkap.

Beliau percaya jumlah yang terbabit lebih tinggi kerana ia tidak mengambil kira beberapa kes membabitkan jabatan lain.

Remaja yang ditahan kerana terbabit sebagai pengedar pula 53 orang berbanding 40 orang tahun sebelumnya.

Hakikat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang mengenai masalah sosial pelajar ini jelas berasas dan masyarakat sendiri harus mengakuinya dan bersama membantu membanterasnya segera.

Harus diingat bahawa gejala lepak, bohsia, budaya punk dan kini tumpuan dialih kepada masalah lebih serius - jenayah - jika dibiarkan tanpa dibendung

akan hanya meranapkan harapan untuk melihat remaja ini, menjadi belia
tonggak dan harapan mengisi visi menjadikan Malaysia negara maju menjelang
tahun 2020. - Bernama

(END)